

SINOPSIS

Melalui buku ini, keberkesanan sekolah yang biasanya difahami dan dikaitkan dengan pencapaian akademik pelajar dilihat dari perspektif sosiologi. Penulis membincangkan budaya dan matlamat sekolah, proses dan organisasi pengajaran serta pembelajaran dan penyamarataan peluang pendidikan sebagai aspek-aspek penting dalam konsepsi keberkesanan sekolah. Berasaskan bacaan yang luas, hasil-hasil pelbagai kajian yang telah dilakukan oleh penulis sendiri, serta pengalamannya berinteraksi dengan para pelajar dan guru sejak sekian lama, buku yang padat ini sesuai dijadikan bahan rujukan oleh para akademik dan pelajar pendidikan. Malahan para pentadbir, guru dan sesiapa sahaja yang meminati bidang pendidikan, perlu merujuk buku ini.